

KEPATUHAN TADBIR URUS HAB HALAL JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG (JHEAIPP) TERHADAP PIAGAM PELANGGAN: ANALISIS PERSPEKTIF USAHAWAN

Siti Syuhadah Mohamad¹ , Mohamad Zaini Abu Bakar²

¹Pensyarah, Falkulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan.Kolej Universiti Islam
Melaka.

²Pensyarah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
(USM), Pulau Pinang.

ABSTRAK

Pasaran industri halal yang semakin meluas didorong oleh permintaan tinggi terhadap produk halal sekaligus telah menarik minat pelbagai pihak untuk menceburi sektor industri ini. Justeru, permintaan terhadap perkhidmatan sijil halal juga meningkat. Bagi memenuhi permintaan usahawan yang kian meningkat untuk memiliki pensijilan halal, pihak tadbir urus terikat dengan piagam pelanggan dalam memberikan perkhidmatan berkaitan aktiviti halal. Analisis dan tinjauan kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pihak usahawan dan pihak tadbir urus hab halal. Kedua-dua pihak dilihat memainkan peranan penting dalam memperkasa industri halal. Oleh itu, kajian ini cuba mengenal pasti dan menganalisis tahap kepatuhan pihak tadbir urus JHEAIPP terhadap piagam pelanggan daripada perspektif usahawan. Bagi memenuhi objektif, kaedah analisis kandungan dan statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP berada di tahap yang baik dalam memenuhi prinsip piagam pelanggan.

Kata kunci: Gelagat Usahawan, Industri Halal, Integriti, Tadbir Urus Baik

GOVERNANCE COMPLIANCE OF HALAL HUB OF PULAU PINANG ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS DEPARTMENT (JHEAIPP) TOWARDS CLIENT CHARTER: ANALYSIS OF ENTREPRENEUR PERSPECTIVE

ABSTRACT

The growing market of halal industry is driven by high demand for halal products and has attracted the interest of various parties to venture into this industry sector. Hence, demand for halal certificates also increases. To meet the growing demand for entrepreneurs to have halal certification, the governor is bound by the client's charter in providing halal-related services. Analysis and review of past studies shows that there is a significant relationship between the entrepreneurs and the halal hub governance. Both parties are seen to play an important role in empowering the halal industry. Therefore, this study attempts to identify and analyze the extent of JHEAIPP's governance compliance with client charter from the perspective of entrepreneurs. To meet the objectives, content analysis and descriptive statistics are used to analyze data. The findings show that JHEAIPP's halal hub governance is well-placed in meeting customer charter principles.

Keywords: Entrepreneur Behavior, Halal Industry, Integrity, Good Governance

PENGENALAN

Perkembangan positif industri halal di Malaysia adalah selari dengan perkembangan sektor ini diperingkat antarabangsa. Menurut Ketua Eksekutif *Halal Industry Development Corporation* (HDC), Jamil Bidin, jumlah pasaran produk halal dunia dianggarkan sebanyak USD 2.3 trilion (RM 7.44 trilion). Jumlah ini tidak termasuk sektor perbankan (Ahmad Farizal Hajar, 2013 dan MIHAS; 2015). Kesedaran terhadap manfaat produk halal secara tidak langsung telah mempengaruhi trend produk halal yang semakin meningkat. Jumlah pasaran produk halal dijangka akan terus meningkat dan mencecah sehingga USD 2.5 trilion (RM 9.24 trilion) menjelang tahun 2018 (Mohd Zaky Zainuddin, 2015). Berdasarkan statistik MITI (2015), daripada jumlah pasaran halal dunia, Malaysia telah mengeksport sebanyak RM 32.8 billion produk halal pada tahun 2013 (MITI, 2014), 37.7 bilion pada tahun 2014 (Hafiz Ithnin, 2015) dan jumlah ini meningkat kepada 39 bilion pada tahun 2015.

Selari dengan perkembangan industri halal negara yang memberangsangkan, bilangan usahawan yang menceburi industri halal turut menunjukkan peningkatan setiap tahun (HDC,2014). Dalam industri halal, pihak

usahawan produk halal dan pihak tadbir urus halal merupakan antara komponen penting bagi merencanakan perkembangan sektor ini. Pihak usahawan bertindak sebagai pengguna perkhidmatan ataupun pelanggan kepada pihak tadbir urus halal. Pihak tadbir urus terikat kepada piagam pelanggan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada usahawan selaku pelanggan. Dalam konteks ini, sejauh mana perkhidmatan pihak tadbir urus JHEAIPP menurut perspektif para usahawan menyumbang kepada perkembangan pesat industri halal.

Bagi meneliti isu ini, skop kajian difokuskan kepada negeri Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan Pulau Pinang berikutan ia merupakan antara yang terawal dalam proses penyeragaman pensijilan halal. Pulau Pinang turut merupakan antara negeri yang paling progresif di Malaysia dalam industri halal (PIHH, 2010). Dari sudut metodologi pula, bagi menilai tahap kepatuhan pihak usahawan terhadap piagam pelanggan, 100 orang responden dipilih dalam kalangan usahawan produk halal di Pulau Pinang. Borang soal selidik dan temu bual dijalankan bagi mendapatkan pandangan usahawan selaku pengguna perkhidmatan terhadap pihak tadbir urus halal. Teknik analisis kandungan dan analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis dapatan kajian.

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Latar Belakang Profil Responden

Berdasarkan analisis statistik deskriptif, beberapa maklumat latar belakang responden diteliti. Aspek jantina, agama, tahap pendidikan, bilangan tahun menceburi industri halal dan bilangan memperbaharui sijil halal ditunjukkan dalam Jadual 1.1

MAKLUMAT LATAR BELAKANG RESPONDEN (N=100)

Latar Belakang		Peratus (%)
Jantina	Lelaki	33
	Perempuan	67
Agama	Islam	55
	Buddha	42
	Hindu	2
	Lain-lain	1
Tahap Pendidikan	LCE/SRP/PMR ke bawah	1
	MCE/SPM	19
	STPM/STAM	9
	Diploma	17
	Ijazah Sarjana Muda	51
	Ijazah Sarjana dan ke atas	3
Bilangan tahun menceburi	1-10 tahun	33

perniagaan	11-20 tahun	19
	21-30 tahun	16
	31-40 tahun	6
	41-50 tahun	8
	>50 tahun	18
Bilangan sijil hala memperbaharui	1-3 kali	50
	4-6 kali	28
	7-9 kali	7
	>10 kali	5
	Tidak pasti	4
	Tidak berkenaan	6

JADUAL 1.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Berdasarkan Jadual 1.1 data menunjukkan bahawa daripada 100 orang responden dalam kalangan usahawan halal di Pulau Pinang 33% adalah lelaki dan 67% adalah perempuan. Daripada segi bilangan komposisi agama pula didapati seramai 55% adalah beragama Islam, 42% beragama Buddha, 2% beragama Hindu dan 1% lain-lain agama.

Latar belakang tahap pendidikan responden adalah pelbagai. Hanya 1% usahawan yang berada di tahap pendidikan LCE/SRP/PMR ke bawah. 19% daripada responden memiliki tahap pendidikan sehingga tahap MCE/SPM. Bilangan usahawan yang mempunyai tahap pendidikan sehingga STPM/STAM sebanyak 9% diikuti peringkat Diploma 15%. Melebihi separuh dari jumlah keseluruhan responden iaitu sebanyak 51% merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda manakala pemegang Ijazah Sarjana dan ke atas sebanyak 3%. Secara umumnya majoriti responden mempunyai tahap pendidikan yang baik.


Daripada aspek bilangan tahun menceburi bidang perniagaan pula didapati sebanyak 33% terdiri daripada responden yang menceburi perniagaan dalam tempoh 1 tahun hingga 10 tahun. Bagi tempoh 11 hingga 20 tahun dan 21 hingga 30 tahun masing-masing adalah sebanyak 19% dan 16%. Bagi usahawan yang telah menceburi bidang perniagaan selama 31-40 tahun adalah sebanyak 6% manakala bagi tempoh 41 tahun hingga 51 tahun 8%. Bagi usahawan yang telah menceburi bidang perniagaan melebihi 50 tahun sebanyak 18%. Jumlah ini menunjukkan terdapat kepelbagaian latar belakang daripada segi pengalaman responden dalam industri perniagaan.

Penglibatan responden dalam berurusan dengan pihak tadbir urus hab halal dalam urusan memperoleh pensijilan halal turut diteliti. Setiap pensijilan halal yang dikeluarkan oleh pihak tadbir urus hab halal sah digunakan bagi tempoh dua tahun sijil dikeluarkan. Separuh daripada jumlah keseluruhan responden iaitu sebanyak 50% responden masih baru terlibat dengan industri halal. Bilangan 1 hingga 3 kali memperbaharui pensijilan halal menunjukkan pihak usahawan kebanyakannya masih baru menceburi industri halal dalam tempoh dua hingga enam tahun. Bilangan usahawan yang memperbaharui pensijilan halal sebanyak 4

hingga 6 kali dan 7 hingga 9 kali masing-masing sebanyak 28% dan 7%. Bilangan usahawan yang telah lama menceburi industri halal terdiri dari 5% di mana mereka telah memperbaharui pensijilan halal melebihi 10 kali. 4% responden tidak pasti sejak bila penglibatan mereka dalam industri halal. Bagi kategori tidak berkenaan adalah sebanyak 6%. Jumlah 6% ini mewakili usahawan baru yang menceburi industri halal kurang dari dua tahun dan pensijilan halal yang pertama masih belum tamat tempoh dan masih belum membuat permohonan untuk memperbaharui pensijilan halal.

KEPATUHAN PIHAK TADBIR URUS HAB HALAL TERHADAP PIAGAM PELANGGAN: ANALISIS PERSPEKTIF USAHAWAN

Bahagian ini bertujuan menganalisis kepatuhan pihak tadbir urus hab halal terhadap piagam pelanggan dari perspektif usahawan selaku pengguna perkhidmatan halal. Terdapat 5 skala digunakan bagi menilai kepatuhan pihak tadbir urus. Perincian skala adalah seperti Jadual 1.2:



Maksud	Skala	Tafsiran Persepsi
Sangat Tidak Setuju	1	Persepsi negatif
Tidak Setuju	2	
Antara Setuju dan Tidak Setuju	3	Persepsi tidak pasti
Setuju	4	Persepsi positif
Sangat Setuju	5	

JADUAL 1.2: SKALA KAJIAN

Berdasarkan jadual 1.2 terdapat 5 skala digunakan. Skala 1 dan 2 mewakili tafsiran negatif responden terhadap kepatuhan pihak tadbir urus terhadap piagam pelanggan. Skala 3 tidak pasti manakala skala 4 dan 5 persepsi positif terhadap pihak tadbir urus hab halal. Bagi nilai pula, tahap bagi min ditentukan seperti Jadual 1.3

Nilai Min	Tafsiran Persepsi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

JADUAL 1.3 JADUAL NILAI MIN

(Sumber: Misnan Jamal)

Jadual 1.3 menjelaskan hubungan antara nilai min dan tafsiran persepsi responden. Bagi nilai min 1.00 hingga 2.33 tafsiran persepsi berada di tahap yang rendah. Diikuti dengan nilai min 2.34 hingga 3.67 dengan tafsiran persepsi yang sederhana. Bagi tafsiran persepsi yang tinggi dan baik nilai min adalah antara 2.68 hingga 5.00. Penilaian usahawan terhadap pihak tadbir urus hab halal mengandungi 15 item yang meliputi aspek piagam pelanggan. Analisis ke atas item-item seperti jadual 1.4

Item	Pernyataan	Respons Negatif (%)	Respons Tidak pasti (%)	Respons Positif (%)	Min
1	Pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP mengeluarkan pensijilan halal dalam tempoh 30 hari jika permohonan saya lengkap	17	39	44	3.27
2	Saya akan memperoleh pensijilan halal 30 hari selepas membuat pembayaran	12	35	53	3.47
3	Tarikh pensijilan halal syarikat saya dikeluarkan berdasarkan tarikh Mesyuarat Panel Pengesahan Pensijilan Halal dijalankan.	5	22	73	3.78
4	Saya akan menerima pensijilan halal saya dalam 5 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Panel Pengesahan Pensijilan Halal	8	28	64	3.66
5	Tempoh masa yang diambil untuk memperoleh pensijilan halal mempengaruhi penglibatan saya dalam industri halal	6	3	91	4.11
6	Karenah birokrasi dalam memperoleh pensijilan halal tidak menghalang kepada saya untuk terus menggunakan pensijilan halal	0	19	81	4.02
7	Saya menerima surat peringatan untuk memperbaharui pensijilan halal di antara 3 bulan sebelum	14	21	65	3.64

*Kepatuhan Tadbir Urus Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
(Jheaipp) Terhadap Piagam Pelanggan: Analisis Perspektif Usahawan
Siti Syuhadah Mohamad & Mohamad Zaini Abu Bakar*

	tamat tempoh				
8	Saya akan memperbaharui pensijilan halal sebelum tamat tempoh yang ditetapkan	0	4	96	4.37
9	Kecekapan pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP memudahkan saya untuk memperoleh pensijilan halal	0	16	84	4.09
10	Saya diberi penerangan oleh pihak tadbir urus halal JHEAIPP sebelum memperoleh pensijilan halal	6	6	88	4.00
11	Kerjasama yang diberikan oleh pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP memberi pengaruh kepada penglibatan saya dalam industri halal	3	10	87	4.02
12	Pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP akan menjalankan siasatan selepas tempoh 24 jam (hari bekerja) selepas menerima aduan	2	15	83	3.94
13	Aktiviti pemantauan oleh pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP mempengaruhi keyakinan saya terhadap tahap integriti pihak tadbir urus	2	7	91	4.07
14	Pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP mengadakan pemantauan berkala sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh dua tahun pensijilan halal	2	10	88	4.07
15	Perniagaan yang berisiko tinggi akan dipantau lebih kerap oleh pihak tadbir urus halal JHEAIPP	2	15	83	4.02

Purata Min keseluruhan = 3.90

**JADUAL 1.4: DAPATAN MIN, PERATUS ITEM-ITEM PIAGAM
PELANGGAN (N=100)**

Berdasarkan jadual 1.4 di dapati nilai min bagi 4 dari 15 item berada di tahap sederhana manakala nilai min bagi 11 item berada di tahap yang tinggi. Hal ini

menunjukkan secara keseluruhannya persepsi pihak usahawan terhadap tahap kepatuhan tadbir urus hab halal terhadap piagam pelanggan adalah baik. Jumlah keseluruhan purata nilai min keseluruhan item ialah 3.90. Secara umumnya nilai ini menunjukkan memenuhi aspek piagam pelanggan dalam memberikan perkhidmatan kepada pihak usahawan produk halal.

Berdasarkan penelitian didapati 3 daripada 4 item yang mempunyai nilai skor min sederhana adalah melibatkan item 1, 2 dan 4. Ketiga-tiga item ini berkait rapat dengan aspek tempoh masa memiliki pensijilan halal. Ketiga-tiga aspek ini mendapat nilai min sederhana berikutan pensijilan halal yang diterima oleh pihak usahawan lewat dari seperti yang termaktub dalam piagam pelanggan. Oleh yang demikian pihak usahawan berpandangan pihak tadbir urus masih belum memenuhi aspek ketepatan masa dalam mengeluarkan pensijilan halal.

Selain itu, item yang mempunyai nilai min yang terendah berbanding kesemua item adalah item 1 dengan nilai min 3.27. Bagi item ini, 17% daripada jumlah responden mempunyai persepsi negatif, 34% tidak pasti dan hanya 44% mempunyai persepsi positif terhadap keupayaan pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP mengeluarkan pensijilan halal dalam tempoh 30 hari. Pengalaman berurusan dengan pihak tadbir urus menyebabkan pihak usahawan mempunyai persepsi yang sederhana terhadap ketepatan masa pihak tadbir urus mengeluarkan pensijilan halal. Item yang mempunyai jumlah tertinggi iaitu item 8 dengan nilai min 4.37. Item ini menunjukkan pihak 96% pihak usahawan membuat permohonan pensijilan halal sebelum tamat tempoh pensijilan halal. Secara umumnya dapat dirumuskan pihak usahawan kurang berpuas hati dengan masalah kelewatan memperoleh pensijilan halal walaupun permohonan lengkap.

Berdasarkan dapatan kajian didapati berlakunya masalah penyalahgunaan pensijilan halal adalah antaranya disebabkan kelewatan memperoleh pensijilan halal. Mengikut kepada piagam pelanggan pihak tadbir urus hab halal akan memberi peringatan kepada pihak pengusaha produk halal tentang maklumat pensijilan halal yang akan tamat tempoh. Pihak usahawan akan memohon pensijilan halal antara dua hingga tiga bulan sebelum tamat tempoh pensijilan halal. 96% daripada responden memperbaharui pensijilan halal tepat pada masanya. Memandangkan proses pensijilan halal mengambil masa kadang kala melebihi 30 hari, akan wujud jurang masa antara daripada tarikh tamat tempoh pensijilan halal yang lama dan pensijilan halal yang baru. Hal ini mewujudkan penyalahgunaan pensijilan halal berlaku secara tidak langsung. Walau bagaimanapun dalam kes tertentu pihak tadbir urus akan mengeluarkan surat yang menyatakan pensijilan halal masih dalam proses sebagai rujukan kepada pihak lain berurusan dengan pihak usahawan.

Masalah tempoh masa berkaitan pensijilan halal turut mendapat perhatian pengkaji. Antaranya kajian Nordin Ahmad (2001), Rosie Haslinza Zainol (2002), Shahidan Shafie & Md. Nor Othman (2006), Noriah Ramli (2007) dan Nurulhuda Nordin et al. (2009) yang mendapati tempoh masa yang diambil merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh pihak tadbir urus. Pihak tadbir urus terpaksa

berhadapan dengan beberapa proses seperti menjalankan proses audit sebelum mengeluarkan pensijilan halal. Terdapat proses mengaudit yang memerlukan bantuan daripada agensi luar mengikut keperluan jenis produk yang memohon pensijilan halal. Antara agensi luar yang turut terlibat adalah Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kimia. Penglibatan beberapa agensi secara tidak langsung mempengaruhi tempoh masa untuk mengeluarkan sijil halal.

Selain itu, bagi menjamin kualiti pensijilan halal yang dikeluarkan prosedur yang agak ketat perlu dipatuhi oleh pihak tadbir urus halal. Aspek halal merupakan aspek yang serius yang perlu dilihat dari pelbagai aspek kerana memberi kesan yang besar kepada pengguna. Oleh yang demikian aspek tempoh masa untuk memproses pensijilan halal memakan masa.

Seterusnya, item yang mendapat nilai min yang rendah adalah item 7 dengan nilai min 3.64. Item 7 menjurus berkaitan penerimaan notis peringatan bagi memperbaharui pensijilan halal sebelum tamat tempoh. Walaupun item ini mempunyai nilai skor yang sederhana namun 65% daripada keseluruhan responden memberi persepsi positif terhadap pihak tadbir urus dengan menyatakan menerima notis peringatan. 14% responden mempunyai persepsi negatif terhadap pihak tadbir urus dalam aspek ini kerana tidak memperoleh notis peringatan. Selebihnya 21% menyatakan tidak pasti sama ada menerima notis peringatan daripada pihak tadbir urus halal.

Item-item lain dalam soal selidik yang mendapat skor min yang tinggi melibatkan aspek pemantauan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak tadbir urus halal kepada usahawan produk halal. Hal ini menunjukkan pihak pengusaha senang bekerjasama dan mendapat bimbingan yang baik daripada pihak tadbir urus. Kerjasama yang baik diberikan oleh pihak tadbir urus halal JHEAIPP telah menarik lebih ramai bilangan usahawan menceburi industri halal. Statistik pemegang halal negeri Pulau Pinang memperlihatkan peningkatan setiap tahun. Terdapat unjuran positif industri halal di Pulau Pinang iaitu dari hanya 55 buah syarikat pada tahun 2008 meningkat kepada 592 buah syarikat sehingga 2013 (Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang). Walau bagaimanapun jumlah ini terus meningkat kepada 639 sehingga Mei 2014. Jumlah keseluruhan pemegang sijil halal bagi Pemegang Sijil Halal Hotel, Produk Makanan, Produk Gunaan, Bakeri, Premis Makanan dan Rumah Sembelih Peningkatan ini merupakan satu sumbangan pihak tadbir urus halal JHEAIPP kepada perkembangan industri halal negara.

Berdasarkan pemerhatian didapati pelbagai inisiatif telah dijalankan di pelbagai peringkat negara dan negeri dalam usaha membantu pihak usahawan memperoleh dan memahami kepentingan pensijilan halal. Menurut Ketua Unit Pengurusan Halal Pulau Pinang (2010) pihak tadbir urus halal JHEAIPP sering mengadakan bengkel dan seminar untuk memberikan penerangan kepada usahawan untuk memberi pendedahan berkaitan industri halal. Ekspo halal yang diadakan setiap tahun yang menggabungkan usaha pihak kerajaan negeri dan JHEAIPP dilihat salah satu inisiatif yang baik menarik pihak usahawan menceburi

industri halal. Daripada perspektif usahawan, majoriti usahawan turut memperakui bahawa pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP banyak membantu semasa proses permohonan pensijilan halal dibuat.

Selain itu, item-item yang melibatkan aspek pemantauan mendapat maklum balas yang baik daripada pihak usahawan. Pandangan yang baik daripada aspek pemantauan terhadap pihak tadbir urus hab halal ini memberi kesan positif kepada perkhidmatan industri halal. Dengan adanya pemantauan yang baik ia akan meminimumkan bilangan masalah penyalahgunaan dan penyelewengan pensijilan. Pemantauan yang baik mampu mengurangkan masalah penyelewengan pensijilan halal sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal yang dikeluarkan oleh pihak tadbir urus hab halal.

KESIMPULAN

Secara umumnya dapat disimpulkan pihak usahawan produk halal di Pulau Pinang meletakkan pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP berada di tahap yang baik dan memenuhi hampir kesemua aspek piagam pelanggan dengan nilai min 3.90. Walau bagaimanapun terdapat elemen kecil yang masih belum memenuhi aspek piagam pelanggan sepenuhnya namun ruang bagi pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP untuk penambahbaikan masih terbuka. Kerjasama dan koordinasi yang baik dengan agensi luar akan dapat mengurangkan masalah kelewatan pemberian pensijilan halal kepada pihak usahawan. Masalah penyelewengan dan penyalahgunaan pensijilan halal akan dapat dikurangkan sekiranya pihak usahawan memperoleh pensijilan halal tepat pada masa. Hubungan kerjasama dan pemantauan yang baik oleh pihak tadbir urus hab halal turut dapat mengatasi masalah berkaitan pensijilan halal. Ringkasnya, pandangan positif pihak usahawan produk halal terhadap pihak tadbir urus hab halal mampu memberi keyakinan kepada usahawan yang masih belum menceburi industri halal. Keyakinan yang baik usahawan juga secara tidak langsung membawa perkembangan positif kepada industri halal.

RUJUKAN

- Ahmad Farizal Hajat. (2013, 19 September). Halal Terbesar Dunia. *Berita Harian Online*. Di akses dari <http://www.bharian.com.my/articles/HalalTerbesardunia/Article/> pada 20 Oktober 2013.
- Hafiz Ithnin. (2015, 16 Mac 2015). Ekonomi Global Tak Menentu. *Harian Metro Online*. Diakses dari <http://www.hmetro.com.my/node/37227> pada 20 Mac 2015.
- Halal Industry Development Corporation. (2014). *Halal Certified Statistics*. Di akses dari http://www.hdcglobal.com/publisher/gwm_industry_statistics pada 18 September 2014.
- MIHAS. (2015). *Malaysia Aims to Energise the Halal Ecosystem Through the World Halal Summit*. Diakses dari <http://www.mihias.com.my/malaysia-aims-to-energise-the-halal-ecosystem-through-the-world-halal-summit/> pada 15 April 2015.
- Misnan Jamal. (2008). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah- Sekolah Menengah , Thesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Farhan Darwis. (2014). Sijil 'halal' kini penarik utama pasaran perniagaan, kata Jakim. Diakses dari <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sijil-halal-kini-penarik-utama-pasaran-perniagaan-kata-jakim> pada 20 September 2014.
- Mohd Zaky Zainuddin. (2015, 30 Mac 2015). HCMS Urus Pensijilan Halal Atas Talian. *Berita Harian Online*. Diakses dari <http://www.bharian.com.my/node/44277> pada 4 April 2015.
- Nordin Ahmad (2001). *Persepsi Persatuan Pengguna di Malaysia Terhadap Status Pengesahan Sijil Halal JAKIM*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Fiqh dan Usuluddin Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.
- Noriah Ramli (2007). *Food Safety and Quality: A study of the Existing Legal and Administrative Regulations in Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah Kulliyah of Laws Univesiti Islam Antarabangsa, Selangor. Tidak diterbitkan.

- Nurulhuda Nordin, Norlaila Md. Noor, Mardziah Hashim, & Zainal Samicho (2009). *Value Chain of Halal Certification System: A Case of the Malaysia Halal Industry*. Kertas kerja dibentangkan di European and Mediterranean Conference in Information System (EMCIS 2009) di Crown Plaza Hotel pada 13-14 Julai 2009.
- PIHH. (2009). *About PIHH. Introduction To Penang International Halal Hub*. Diakses dari http://www.halalpenang.com/about_pihh.php pada 24 April 2012.
- Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2014). *5th Penang International Halal Expo & Conference 2014*. Di akses dari <http://www.penang.gov.my/index.php/2013-04-01-05-24-51/koleksi-yab-km/2801-5th-penang-international-halal-expo-conference-2014> pada 5 September 2014.
- Rosie Haslinza Zainol. (2002). *Tanda Halal Dalam Pemakanan: Satu Kajian Khusus Mengenai Sikap Umat Islam di Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana Jabatan Syariah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.
- Sarah Nadlin Rohim. (2011). Halal: Malaysia contoh dunia. *Utusan Online*. Di akses dari http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0809&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm pada 15 September 2014.
- Shahidan Shafie, & Md Nor Othman. (2006). *Halal Certification: An International Marketing Issues and Challenges*. Kertas kerja dibentangkan di International Federation of Scholarly Associations of Management (IFSAM), Berlin, Germany.
- Utusan Malaysia Online. (2014). Malaysia teraju utama industri halal dunia. *Utusan Malaysia Online*. Diakses dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140428/32/Malaysia-teraju-utama-industri-halal-dunia pada 14 Sepetember 2014.